

Bayu Unimas johan seni tari Makum

Oleh Sharil Nizam Sha'ri

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (Unimas) muncul johan keseluruhan Festival Seni Tari Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (Makum) 2003 yang berlangsung di Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, baru-baru ini.

Berikutan kemenangan itu, universiti berkenaan yang diwakili Kumpulan Bayu Unimas menerima Piala Pusingan Ketua Menteri Sarawak Festival Seni Tari Makum, wang tunai RM1,500, piala iringan, sijil dan baucar makanan segera bernilai RM250.

Unimas yang pernah menjuarai festival sama pada 2001 menampilkan persembahan 'Tarian Tandak Bahagia' bagi kategori asli manakala kreatif, 'Genturung Pendiau'.

Wakil universiti itu juga diumumkan pemenang Koreografi Terbaik dan Kostum Ter-

baik bagi kategori kreatif yang menawarkan wang tunai RM500, piala iringan dan sijil.

Tempat kedua dimenangi Kelab Kenari, Universiti Malaysia Sabah dengan hadiah wang tunai RM1,000, piala iringan, sijil dan baucar makanan segera bernilai RM150. Kumpulan itu mempersembahkan 'Tarian Joget Serampang 12' dan 'Bambarayon-Dewi Padi'.

Sementara itu, Kumpulan Prisma Seni, Universiti Teknologi Mara yang mempertaruhkan 'Joget Sri Tanjung' dan 'Fitrah', menduduki tempat ketiga dengan wang tunai RM700, piala iringan, sijil dan baucar makanan segera bernilai RM100.

Bagi kategori asli, Kumpulan Bidasari, Universiti Utara Malaysia memenangi Kostum Terbaik dan Koreografi Terbaik.

Semua hadiah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor, Datin Paduka Norkhaila Jamaludin.

Hadir sama Pengerusi Makum, Prof Madya Dr Mohamed Mus-



KUMPULAN Bayu Unimas mempersembahkan tarian 'Genturung Pendiau'. - Gambar oleh Manan Abdul Rahman

tafa Ishak; Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) UPM, Prof Datuk Dr Abdullah Al-Hadi Muhamed dan Ketua Unit Kebudayaan dan Rakan Muda UPM, Mohd Aris Fadzillah Abdullah.

Festival itu dianjurkan Unit

Kebudayaan dan Rakan Muda, Bahagian Hal-Ehwal Mahasiswa, UPM dengan kerjasama Makum dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Selain UPM, festival bertema *Menjunjung budaya, melesta-*

rikan warisan itu turut disertai Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.